

Berbuka puasa bersama bukan Islam pupuk perpaduan

Salina Sulaiman,
Tanjung Malim,
Perak

Di Malaysia bukan hal aneh untuk melihat sahabat bukan Islam cuba berpuasa setiap kali menjelang Ramadan. Satu daripada sebabnya mereka ingin mencuba berpuasa kerana tertarik dengan amalan rakan beragama Islam. Malah kepelbagaian juadah di bazar Ramadan juga mungkin antara faktor mereka ingin cuba berpuasa.

Justeru, jika ada rakan bukan Islam yang berpuasa jemputlah mereka untuk berbuka bersama-sama. Hal ini tidak diharamkan dalam Islam malah dalam Tafsir al-Qurtubi ayat 5/179 disebut, *Aku berkata: Dengan ini, bertakut baik kepada jiran-jiran adalah digalakkan, sama ada mereka Muslim atau tidak. Ini adalah yang sah.*

Bentuk perlakuan baik itu sama ada membantu jika mereka dalam kesusahan atau melayani mereka dengan santun, mengelakkan daripada rasa ketidakselesaan dan kejanggalan dalam berkawan.

Ini membuktikan tiada halangan ataupun larangan untuk berbuka puasa sesama insan yang bukan Islam. Malah, berbuka bersama-sama dapat memonjolkan keharmonian dalam kehidupan rakyat yang berbilang kaum di negara Malaysia. Ia juga menjadi simbol perpaduan. Imej yang positif ini dapat dicontohi oleh rakyat di negara lain kerana konsep berbuka puasa ini bukan sahaja terhad untuk umat Islam sahaja. Secara tidak langsung mereka juga dapat mem-



(Foto hiasan)

Majlis berbuka puasa memonjolkan keharmonian rakyat berbilang kaum di Malaysia.

pelajari budaya dan adat agama lain secara lebih terbuka. Orang bukan Islam akan dapat merasai perasaan teruja dan bangga pada diri sendiri kerana mampu berpuasa. Mereka dapat memperoleh pengalaman baharu yang bernilai serta melakukan refleksi diri untuk memperbaiki kualiti kehidupan menjadi lebih bermakna.

Berbuka bersama rakan bukan Islam juga dapat mengeratkan silaturahim. Bagi mereka yang be-

kerja, waktu berbuka peluang untuk mendekatkan hubungan bersama orang tersayang mahupun sahabat karib.

Dalam kesibukan menyambut bulan yang mulia ini, kita seharusnya berusaha untuk mengekalkan keharmonian sesama warganegara. Lebih-lebih lagi jika kita banyak berkongsi budaya, adat, kepercayaan dan perayaan berbeza, perlulah mempunyai kesefahaman dan tahap toleransi yang tinggi.